

Headline	Sabah punya potensi bangunkan industri perabot sendiri Madius		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	13 Nov 2015	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	1	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	323 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 666
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,998



Sabah punya potensi bangunkan industri perabot sendiri: Madius

Tracy Patrick

KOTA KINABALU: Sabah mempunyai potensi untuk membangunkan industri perabotnya dan pemrosesan hiliran lain ekoran keluasan ekar kayu balaknya yang besar tetapi kemajuan terjejas oleh kekurangan sinergi antara pemain industri di Malaya dan negeri-negeri di Borneo.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata di Semenanjung, misalnya, industri ini bernilai RM6billion setahun tetapi kerana kekurangan bahan mentah, hasil mengagumkan itu tidak boleh dicontohi di Sabah.

“Dari segi industri kayu, kita mempunyai impian untuk menjadikan Sabah sebagai hab perabot di rantau ini. Malangnya, ia tidak menjadi kenyataan kerana kita kekurangan bahan mentah. Pernah ada seorang ahli perniagaan dari Perancis yang datang ke sini untuk mengembangkan perniagaan bingkai tingkapnya.

“Beliau kerap meminta lebih banyak bahan mentah kerana beliau telah menyuntik wang di sini. Akhirnya, beliau lari, kecewa kerana permintaan itu tidak dapat dipenuhi. Oleh itu, inilah masalah kita di sini. Kita mempunyai pendapat bercanggah mengenai daya maju bahan mentah,” katanya.

Tangau berkata demikian ketika merasmikan Bengkel Pemandahan Teknologi mengenai Nilai Tambah Kayu Gergaji Akasia di Sabah di sini, pada Khamis.

Katanya, walaupun Sabah mempunyai sejumlah 63.980 hektar kayu balak akasia, tidak ada agensi khusus untuk menjaga industri tersebut.

Dengan itu, beliau mencadangkan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) agar mewujudkan satu bahagian untuk melakukan penyelidikan terutamanya ke atas kayu akasia, dari segi nurseri sehinggalah kepada penuaian kayu.

“Melalui bahagian yang khusus ini, kita boleh melakukan penyelidikan dalam pelbagai bidang ke atas kayu balak akasia, termasuk kejuruteraan genetik, kultur tisu, mengkaji pelbagai jenis penyakit kerana pada masa ini, setiap kali kita mempunyai masalah, tidak ada sesiapa menjadi tempat kita bergantung dan tiada sesiapa yang boleh memberikan penyelesaian.

“Hutan perladangan dan pelbagai masalahnya serta isu-isu yang perlu ditangani secara serius,” katanya.

Tangau juga berkata kementerian itu bersedia untuk menyediakan dana kepada penyelidik bagi menjalankan kajian yang boleh menyelesaikan masalah praktikal dihadapi oleh industri tersebut tetapi kajian mesti menjurus ke arah kebaikan yang lebih besar dan bukan hanya untuk meminta dana semata-mata.

“Suatu masa dahulu, orang kenal kita kerana kita menyediakan banyak dana untuk penyelidikan dan pembangunan. Tetapi seperti yang anda semua tahu, kini dana dan sumber terhad dan kita perlu lebih cekap dan praktikal.

“Oleh itu, kami akan menyokong kajian yang membabitkan usaha sama. Anda tidak boleh lagi bekerja secara bersendirian. Bahkan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, ia sentiasa lebih menguntungkan jika kajian melibatkan banyak kumpulan yang bekerja bersama-sama kerana kita akan mempunyai pandangan yang berbeza dan sekali gus, memperkayakan kita lagi,” katanya.

Dalam pada itu, Tangau berkata walaupun Sabah tidak lagi mendahului dalam sektor berasaskan kayu balak, industri ini dijangka berkembang lebih kukuh berbanding yang dijangkakan menerusi pembangunan pasaran dan inisiatif pembiakan baharu.

Ini akan membawa sumbangan ekonomi penting kepada negeri, katanya.

“Lantai Truck mempunyai potensi pasaran antarabangsa yang besar, terutamanya di Kanada, Eropah, China, Korea dan Jepun. Hanya di Jepun sahaja, potensi pasaran untuk lantai lori bernilai kira-kira RM190million setiap tahun.

Headline	Sabah punya potensi bangunkan industri perabot sendiri Madius		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	13 Nov 2015	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	1	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	323 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 666
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,998

“Harga runcit satu meter padu (m³) lantai trak adalah kira-kira USD1,250. Berdasarkan unjuran pasaran ini, ia tidak sukar untuk melihat potensi yang besar kepada keuntungan ekonomi nilai tambah sumber akasia.

“Trak floor mempunyai potensi pasaran antarabangsa yang besar, khususnya di Kanada, Eropah, China, Korea dan Jepun. Di Jepun sahaja, pasaran untuk truck floor bernilai kira-kira RM190 juta setahun.

“Harga runcit untuk satu meter padu (m³) truck floor adalah kira-kira USD1,250. Berdasarkan unjuran pasaran ini, tidak sukar untuk melihat potensi besar ke atas perolehan keuntungan dalam nilai tambah sumber akasia.

“Ini termasuk produk bernilai tambah tinggi seperti pertukangan berkelas tinggi serta pelbagai produk perabot akasia terutama untuk pasaran eksport,” kata beliau.